



1103/1

## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Dua Jam Lima Belas Minit

---

### MOCK TEST 2

### SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

---

## BAHASA MELAYU

## KERTAS 1

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
  2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
  3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan mengekalkan keindahan alam sekitar.** Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

**Kepentingan Mengekalkan Keindahan Alam Sekitar****Sumber bekalan air bersih****Kemajuan sektor pelancongan****Pengekalan flora dan fauna**

**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]*

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Setiap murid mempunyai cita-cita untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

2. Masalah kewangan, masalah anak-anak dan masalah yang melibatkan ibu bapa tidak dapat membentuk sebuah keluarga yang bahagia.

Huraikan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap ahli keluarga ke arah pembentukan sebuah keluarga yang bahagia.

3. Pengukuhan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini amat penting demi keamanan dan keharmonian. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Langkah-Langkah Mengukuhkan Perpaduan Dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum di Negara Ini'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Malaysia amat mementingkan keamanan dan kedaulatan sesebuah negara. Oleh itu, negara ini tidak menyokong sebarang persengketaan, peperangan dan campur tangan kuasa asing di beberapa buah negara di dunia.

Huraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan dan kedaulatan di beberapa buah negara di dunia.

5. *Hidup mulia penuh kesederhanaan,  
bertindak dengan penuh kebijaksanaan.*

*Ketinggian peribadi jadi amalan,  
ketelusan hati jadi bekalan.*

Petikan gurindam di atas menjelaskan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan generasi muda hari ini.

Bincangkan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**